

Headline	TNB rampas takhta liga		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	15 Jan 2019	Language	Malay
Circulation	8,784	Readership	26,352
Section	Sukan	Page No	15
ArticleSize	148 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 983		



## TNB rampas takhta liga

KUALA LUMPUR: Juara Piala Tan Sri P. Alagendra, Tenaga Nasional Berhad (TNB) merampas kedudukan teratas daripada Maybank setelah menang bergaya 10-0 ke atas Nurinsafi/Hoki Kedah pada aksi kedua Divisyen Premier Liga Hoki Malaysia 2019 di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, pada Ahad.

Ia merupakan kemenangan kedua berturut-turut yang dilakar anak buah Nur Saiful Zaini Nasiruddin untuk mengumpul enam mata.

Pada aksi berkenaan, TNB selesa mendahului 7-0 pada babak pertama perlawanan hasil jaringan Firhan Ashaari pada minit ke-10, Norshafiq Sumantri (minit ke-15), Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abd Jalil (minit ke-18), Shello Silverius (minit ke-19), Nik Muhammad Aiman Nik Rozemi (minit ke-25), Muhammad Azrai Aizad Abu Kamal (minit ke-27) dan Mohamad Akhimullah Anuar Esook (minit ke-30).

TNB kemudiannya terus mengganas dengan menambah tiga lagi gol, masing-masing menerusi Muhamad Ramadan Rosli pada minit ke-47, Muhammad Noor Firdaus Rosdi (minit ke-48) dan Mohamad Akhimullah pada minit ke-57.

Juara Piala Sumbangsih, Kelab Hoki Terengganu (THT) pula merakam kemenangan sulung selepas menewaskan pasukan 'adik' TNB, yakni TNB Thunderbolts, 4-0 di Stadium Hoki Batu Buruk, Kuala Terengganu.

Empat gol pasukan tuan rumah dijaringkan oleh Faizal Saari pada minit ke-18, Jang Jonghyun (minit ke-24), Mohd Fitri Saari (minit ke-48) dan Muhammad Rashid Baharom pada penghujung babak perlawanan.

Pasukan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) turut mencatat kemenangan sulung pada musim ini selepas menang tipis 2-1 ke atas pasukan Universiti Teknologi Mara (UiTM), 2-1 di Stadium Hoki Tun Razak, Kuala Lumpur.

UniKL membuka tirai jaringan menerusi gol padang kapten skuad kebangsaan, Mohamad Sukri Abdul Mutalib pada minit ke-40 sebelum pemain import dari Belanda, Martijn Peter Havenga menyempurnakan pukulan penalti stroke pada minit ke-46.

UiTM bagaimanapun berjaya meraih gol saguhati menerusi jaringan padang Mohd Azwar Abd Rahman pada minit ke-59.

Aksi liga akan diteruskan pada 18 Januari ini dengan THT akan menentang Nurinsafi/Hoki Kedah di Stadium Hoki Batu Buruk, UniKL melawan TNB di Stadium Hoki Tengku Abdullah, Bangi, manakala TNB Thunderbolts akan berdepan Maybank di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil. -Bernama